Bulan Islam: ZULHIJJAH

Oleh: Haslan Din al-Hafiz
one_msia@yahoo.com

Zulhijjah adalah bulan ke-12 dan terakhir daripada bulan-bulan hijriah. Ianya merupakan sebaik-baik Bulan Haram yang empat (Zulkaedah, Zulhijjah, Muharam dan Rejab). 10 hari pertama daripada Zulhijjah pula merupakan sebaik-baik hari di antara 30 hari bulan Zulhijjah. Ini kerana 10 hari pertama itu terkandung di dalamnya beberapa hari untuk beramal ibadat seperti hari ke-8 Zulhijjah iaitu Hari al-Tarwiyah, hari ke-9 Zulhijjah iaitu Hari Wukuf, hari ke -10 Zulhijjah iaitu Hari al-Nahr atau Aidiladha dan 11, 12 dan 13 Zulhijjah iaitu Hari Tasyrik. Kerana itu Allah SWT telah bersumpah di atas 10 hari pertama Zulhijjah ini kerana adanya kelebihan dan keutamaannya. Firman Allah SWT di dalam surah al-Fajr ayat 1 dan 2 yang bermaksud: *"Demi waktu fajar, dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah)."*

Menurut Ibn Abbas, Ibn Zubair, Mujahid dan lainnya. Yang dimaksudkan dengan "malam yang sepuluh" itu ialah 10 hari pertama daripada Zulhijjah dan "waktu fajar" itu dengan fajar hari ke-10 Zulhijjah atau fajar Aidiladha. (Uthman al-Said al-Syarqawi, *Makanah al-Zikr baina al-Ibadat*, m. s 219).

KEISTIMEWAAN BULAN ZULHIJJAH

Firman Allah SWT di dalam surah al-Haj ayat 28 yang bermaksud: *"Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin."* Menurut Jumhur Ulama, "hari-hari yang tertentu" itu ialah 10 hari pertama Zulhijjah.

Begitu juga Rasulullah SAW ada menerangkan kelebihan 10 hari pertama Zulhijjah di dalam hadis yang banyak. Di antaranya apa yang diriwayatkan oleh Imam al-Tarmizi

daripada Ibn Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Tiada hari-hari untuk beribadah yang lebih disukai Allah SWT melainkan hari-hari ini (iaitu 10 hari pertama Zulhijjah). Para sahabat bertanya: Ya Rusulullah, walaupun jihad fisabilillah? Rasulullah SAW menjawab: Walaupun Jihad fisabilillah. Melainkan seseorang itu keluar fisabilillah dengan diri dan hartanya dan pulang tanpa sesuatu pun darinya."*

Sebahagian ahli ilmu mengatakan: *"Allah SWT memilih 3 dari sepuluh hari yang penuh berkat; Pertama: 10 hari terakhir dari Ramadhan kerana keberkatan Lailatul Qadar. Kedua: 10 hari pertama dari Zulhijjah kerana keberkatan Hari al-Tarwiyah, Hari Arafah, Hari Korban, Talbiah, Haji dan lain-lain ibadat. Ketiga: 10 hari pertama dari Muharam kerana keberkatan Hari Asyura."*

IBADAH DI BULAN ZULHIJJAH

Imam al-Tarmizi meriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Tiada daripada hari-hari yang lebih disukai Allah SWT untuk beribadat kepada-Nya daripada 10 hari pertama Zulhijjah. Berpuasa setiap hari darinya menyamai pahala berpuasa setahun dan bangun setiap malam darinya menyamai pahala bangun malam pada hari Lailatul Qadar."*

Imam Ahmad meriwayatkan daripada Ibn Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Tiada daripada hari-hari yang lebih utama di sisi Allah SWT, dan tidak pula amalan padanya yang lebih disukai Allah SWT melainkan pada 10 awal Zulhijjah. Maka perbanyakkanlah pada hari-hari tersebut dengan Tasbih, Tahmid, Tahlil, Takbir dan Zikir. Sesungguhnya berpuasa sehari darinya menyamai pahala berpuasa setahun dan beramal pada hari-hari tersebut digandakan dengan 700 kali ganda."* (Uthman al-Said al-Syarqawi, m. s 221).

Berdasarkan hadis di atas dan lainnya, para ulama mengatakan sunat hukumnya berpuasa bermula dari awal Zulhijjah sehinggalah ke Hari Arafah iaitu 9 Zulhijjah.

HARI ARAFAH DAN BERTAKBIR

Berpuasa pada Hari Arafah iaitu pada 9 Zulhijjah akan diganjari dengan pahala yang sangat istimewa. Ini kerana Hari Arafah adalah sebaik-baik hari dari 10 hari awal Zulhijjah. Imam Muslim meriwayatkan daripada Abu Qatadah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Berpuasa pada Hari Arafah akan menghapuskan dosa-dosa setahun sebelum itu dan setahun sesudahnya."* Ini bermaksud, seseorang yang berpuasa pada Hari Arafah akan diampunkan dosa-dosanya (dosa kecil) selama dua tahun. Adapun mereka yang sedang menunaikan ibadah Haji boleh untuk memilih samada berpuasa ataupun sebaliknya.

Seterusnya kita yang di tanahair dan tidak menunaikan ibadah Haji disunatkan bertakbir bermula dari sesudah Solat Subuh pada Hari Arafah iaitu pada 9 Zulhijjah sehinggalah sesudah Solat Asar pada hari terakhir Hari Tasyrik iaitu pada 13 Zulhijjah. Adapun mereka yang sedang menunaikan ibadah Haji disunatkan bertakbir bermula sesudah Solat Zohor Hari Aidiladha iaitu 10 Zulhijjah kerana mereka disunatkan untuk ber"*talbiah"* sebelum dari itu.

HARI TASYRIK

Hari Tasyrik ialah 3 hari sesudah hari Aidiladha iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Pada hari-hari ini kita disunatkan untuk melaksankan ibadah korban dan bertakbir sehinggalah sesudah Solat Asar seperti yang disebutkan di atas. Pada hari ini kita turut diharamkan daripada berpuasa kerana ianya merupakan hari untuk makan, minum dan mengingati Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Ibn Abbas RA bahawa Baginda bersabda yang bermaksud: *"Jangan kamu berpuasa pada hari-hari ini (Hari Tasyrik) kerana ia merupakan hari untuk makan, minum dan mengingati Allah SWT (zikir)."*

Pada Hari Tasyrik, menurut hadis di atas dan lainnya, kita disunatkan untuk memperbanyakkan zikir dan memperingati Allah SWT dengan Takbir, Tahmid, Tahlil, Taqdis dan lainnya. Ikrimah iaitu seorang dari tabiin yang masyhur ada menyebutkan: *Disunatkan untuk membacakan doa ini pada Hari Tasyrik; "Wahai Tuhan kami, berilah*

kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka." (dari Surah al-Baqarah ayat 201).

Para ulama ada mengatakan: *"Kebaikan di dunia itu ialah ilmu, ibadah dan rezeki yang baik. Manakala kebaikan di akhirat itu ialah Syurga."* Wallahualam.